


JABATAN PELAJARAN MELAKA
 JALAN ISTANA,
 PETI SURAT No. 62,
 75450 MELAKA

Pengarah : 06-2323782
 Timbalan : 06-2323781
 Pejabat Am : 06-2323777
 06-2323778
 06-2323779
 Peperiksaan : 06-2323780
 Fax : 06-2320500

Rujukan: JPM.SJQ.JQ.100-2/4/5(5)
 Tarikh : 31 Oktober 2011



Kepada :

Pegawai Pelajaran Daerah
 PPD Melaka Tengah / Alor Gajah / Jasin

Tuan ,

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENARAFAN KENDIRI SEKOLAH BERASASKAN STANDARD KUALITI PENDIDIKAN MALAYSIA (PKS-SKPM)

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk, dan surat **JPM.SJQ.JQ.100-2/4/5(3)** bertarikh **20 September 2011** berkaitan.

2. Sukacita diingatkan bahawa mulai tahun 2011, Kementerian Pelajaran Malaysia memutuskan supaya sekolah-sekolah terus melaksanakan penarafan sendiri dengan menggunakan kedua-dua versi SKPM 2003 dan SKPM 2010.
3. Sehubungan dengan itu, pihak sekolah diminta mengikuti Garis Panduan Pelaksanaan Lampiran 2 yang dilampirkan. Pihak sekolah hendaklah melaksanakan penarafan sendiri secara objektif, telus dan penuh tanggungjawab ke arah peningkatan dan kemajuan sekolah selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.
4. Pihak tuan diminta memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada semua sekolah menengah dan rendah di bawah pentadbiran tuan serta memastikan semua pihak yang berkenaan memahami kandungan surat ini serta kepentingan pelaksanaan PKS-SKPM untuk membantu meningkatkan kualiti pendidikan keseluruhannya.

Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan dalam perkara di atas didahului dengan ucapan jutaan terima kasih.

Sekian.

“ MELAKA MAJU NEGERIKU SAYANG, NEGERI BANDAR TEKNOLOGI HIJAU ”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menurut perintah,

(RAZALI BIN BAHROM)
 Ketua Sektor Jaminan Kualiti
 b.p Pengarah Pelajaran Melaka

- s.k
1. Pengarah Pelajaran Melaka
 2. Timbalan Pengarah Pelajaran
 3. Semua Ketua Sektor
 4. Fail Penyelaras

Untuk Tindakan/Makluman/Perhatian	
PPD	
KUP Sekolah	
KUP Akademik	
KUP Kemanusiaan	
KUP Islam/Moral	
KU Pem Bekatan	
KU Maklumat/ICT	
Dep Kaunseling	
KU Kewangan	
KU Perk/Ta'arufan	

En Helmy
 Masuki post
 PPD
 12/11/11

(Sila catatkan rujukan Jabatan ini bila berhubung)

GARIS PANDUAN PELAKSANAAN PENARAFAN KENDIRI SEKOLAH STANDARD KUALITI PENDIDIKAN MALAYSIA (PKS-SKPM)**1. Penubuhan Jawatankuasa PKS-SKPM Sekolah**

Jawatankuasa SKPM Peringkat Sekolah hendaklah ditubuhkan dengan diketuai oleh pengetua / guru besar. Cadangan keahlian adalah seperti berikut:

Pengerusi	:	Pengetua/ Guru Besar
Setiausaha I	:	Penolong Kanan (PK) Pentadbiran
Setiausaha II	:	PK Hal Ehwal Murid
Setiausaha III	:	PK Kokurikulum
Ahli	:	PK Petang Ketua Bidang / Guru Kanan Mata Pelajaran Ketua Panitia Ketua Unit HEM Ketua Unit Kokurikulum
Penyelaras	:	Guru Data

2. Peranan Jawatankuasa PKS-SKPM:

Bagi melaksanakan PKS, JK SKPM hendaklah

- i. Merancang, melaksanakan, memantau proses pelaksanaan PKS;
- ii. Mengadakan mesyuarat bagi merancang aliran kerja dan melaksanakan PKS mengikut prosedur dan panduan yang ditetapkan;
- iii. Meneliti dan memahami kandungan SKPM secara terperinci dan menyeluruh;
- iv. Mengumpul segala bukti bagi setiap aspek yang dinilai melalui semakan dokumen, pemerhatian, temubual dan soal selidik;
- v. Mendokumentasi segala sumber dan maklumat untuk dijadikan sandaran kepada pemberian skor berdasarkan kriteria kritikal dan deskripsi skor;
- vi. Membuat penilaian dan menentukan skor bagi setiap aspek serta membuat pengiraan skor berdasarkan data yang betul secara kolektif.; Semua data disimpan untuk tujuan verifikasi pihak berkenaan.

SULIT

- vii. Menyediakan rumusan PKS dengan menyatakan kekuatan, kelemahan dan isu berkaitan agar permasalahan yang dihadapi dapat ditangani;
 - viii. Memastikan bahawa PKS disediakan dengan mendapat persetujuan bersama secara kolektif.
3. Bagi memastikan PKS-SKPM dilaksanakan dengan berkesan, perkara-perkara khusus berikut perlu diberi perhatian:
- a. Pihak pentadbir sekolah/JK SKPM perlu memberi pemahaman yang jelas kepada semua warga sekolah tentang konsep dan matlamat pelaksanaan PKS. Penentuan skor hendaklah dibuat secara bersama dan berdasarkan maklumat dan bahan bukti yang benar dan sah. Semua data dan maklumat hendaklah disimpan sebagai bahan bukti bagi memudahkan pengaksesan apabila diperlukan).
 - b. Pemberian skor 6 hendaklah dibuat dengan teliti dan tepat serta mempunyai justifikasi yang relevan.
 - c. PKS perlu dilaksanakan dengan telus dan rasa tanggungjawab. Keputusan PKS hendaklah dimanfaatkan sepenuhnya dengan mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dan seterusnya merancang program kemajuan sekolah.

SULIT